

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JMS 211 - SEJARAH POLITIK MALAYSIA TRADISIONAL

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **TIGA** soalan: Jawab **soalan 1 (WAJIB)** di Bahagian A dan mana-mana **DUA** soalan daripada Bahagian B.

... 2/-

BAHAGIAN A

1. Pilih **LIMA (5)** dari yang berikut dan jawab dengan ringkas dan padat tidak lebih dari 60 patah perkataan bagi setiap soalan.
 - a) Parameswara
 - b) Hukum Kanun Melaka
 - c) British North Borneo Company
 - d) "Kerajaan" (oleh Anthony Milner)
 - e) Persetiaan Burney (1826)
 - f) Misa Melayu (oleh Raja Chulan)
 - g) Kelas bawahan (masyarakat Melayu Melaka)

(100 markah)

BAHAGIAN B

Jawab **DUA (2)** soalan.

2. Secara umumnya kegemilangan kerajaan Melayu Melaka disebabkan oleh kemajuan pelabuhan entrepot dan kestabilan pemerintahan di negeri itu. Bincangkan sejauhmanakah kebenaran kenyataan tersebut.

(100 markah)
3. Masyarakat Melayu Melaka mengandungi beberapa stratifikasi atau tingkat sosial yang tertentu. Bincangkan tingkat-tingkat sosial tersebut serta peranan yang dimainkan oleh mereka.

(100 markah)
4. Mengapa dikatakan bahawa perlantikan pemerintah baru di Terengganu pada 1722 mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kerajaan Johor? Huraikan perkaitan tersebut.

(100 markah)
5. Bincangkan dasar-dasar British North Borneo Company yang telah dijalankan semasa penguasaannya di Sabah pada abad ke 19 dan bagaimanakah dasar-dasar ini telah bertanggungjawab mengubah masyarakat negeri itu.

(100 markah)
6. Huraikan sebab-sebab berlakunya perebutan kuasa di Kedah di abad ke 18 dan 19 dan adakah ia berpunca dari kelemahan sistem politik Melayu tradisional?

(100 markah)

ooOoo